

16/10/1997

KPMSU gesa atasi bot tunda sewa

PELABUHAN KLANG, Rabu - Kesatuan Kakitangan Klang Port Management (KPMSU) meminta Kementerian Pengangkutan campur tangan bagi menangani masalah berhubung tindakan Klang Port Management (KPM) menggunakan dua bot tunda yang disewa dari Singapura untuk membawa masuk kapal kargo ke dermaga, di sini.

Presiden KPMSU, Ahmad Din Abdul Rahman, berkata tindakan syarikat terbabit menggunakan bot tunda itu adalah membelakangkan dasar kerajaan terutama hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kegiatan dalam negara menggunakan tenaga dan peralatan tempatan.

"Kesatuan tidak bermaksud campur tangan dalam pengurusan KPM, tetapi sebagai kesatuan mewakili kakitangan dalam syarikat itu adalah perlu memberi pandangan demi imej syarikat.

"Sehubungan itu, kami terpaksa menghantar surat kepada pihak pengurusan KPM dan telegram kepada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liong Sik supaya menangani masalah itu demi kewibawaan KPM dan menjaga imej negara," katanya mengulas tindakan KPM menyewa bot tunda dari Singapura dalam mengendalikan perkhidmatannya.

Ahmad Din berkata, isu itu timbul berikutan KPM memberikan tender kepada Perbadanan Perkapalan Antrabangsa Malaysia (MISC) yang dikatakan menggunakan dua bot tunda yang disewa dari Singapura.

(END)